

09 APR 2000

Umno-Bahagian (Rangkuman)

BANDAR TUN RAZAK BAHAGIAN TERAKHIR BERMESYUARAT

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Bandar Tun Razak adalah bahagian Umno terakhir yang akan mengadakan mesyuarat perwakilan setelah 164 bahagian Umno lain selesai mengadakan mesyuarat masing-masing sehingga hari ini.

Kesemua enam bahagian Umno di Pahang - Raub, Bentong, Jerantut, Pekan, Temerloh dan Mentakab - yang bermesyuarat hari ini mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masing-masing bagi jawatan presiden dan timbalan presiden pada pemilihan parti 11 Mei ini.

Perdana Menteri kini mengumpul 162 pencalonan untuk jawatan Presiden parti manakala Timbalan Perdana Menteri menerima 161 pencalonan untuk jawatan Timbalan Presiden.

Kedua-dua mereka sudah pun secara tidak rasmi menang tanpa bertanding bagi jawatan-jawatan itu.

Mesyuarat Bandar Tun Razak, yang dijangka diadakan pada minggu depan, adalah penting bagi Ketua Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah jika beliau berhasrat untuk bertanding jawatan Naib Presiden.

Tengku Razaleigh kini menerima 16 pencalonan bagi jawatan itu dan memerlukan satu lagi pencalonan untuk melayakkan diri bertanding.

Beliau juga mempunyai satu lagi peluang mendapat pencalonan, jika jawatankuasa bahagian Gua Musang yang diberikan mandat oleh mesyuarat perwakilan itu, membuat pencalonan bagi semua jawatan bagi pemilihan Majlis Tertinggi Umno.

Sehingga kini, sembilan calon sudah melayakkan diri bertanding jawatan naib presiden iaitu Datuk Seri Mohamad Najib Tun Razak (151), Datuk Abdul Ghani Othman (78), Datuk Osu Sukam (39), Datuk Abu Hassan Omar (57), Tan Sri Mohamad Isa Abdul Samad (27), Datuk Seri Syed Hamid Albar (34), Datuk Rais Yatim (21), Tan Sri Muhammad Muhammad Taib (32) dan Tan Sri Muhyiddin Yassin (29).

Sementara itu, sejumlah 124 orang dicalonkan bertanding 25 jawatan anggota Majlis Tertinggi (MT) parti dan daripada jumlah itu, seramai 73 orang melayakkan diri bertanding.

Calon-calon MT perlu mendapat minimum lapan pencalonan bagi melayakkan diri bertanding.

Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohamed Ali Rustam mencatatkan jumlah pencalonan tertinggi bagi jawatan anggota MT iaitu sebanyak 149, diikuti Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mohamed Nazri Aziz (146), Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid (138), Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali (136) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman (132).

Mereka yang turut mendapat jumlah pencalonan tinggi ialah Datuk Mustapa Mohamed (128), Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir (123), Datuk Dr Suleiman Mohamed (122), Datuk Seri Adnan Yaakob (122), Datuk Abdul Aziz Shamsuddin (114), Datuk Dr Shafie Mohamad Salleh (102) dan Datuk Seri Shahidan Kassim (100).

-- BERNAMA

AFY NAK